

# PROGRAM COMMUNITY POLICING PASUKAN POLIS DI ZAMAN DARURAT 1948-1960

**Md Rozimi Mohd Nasir**

**Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus**

**Universiti Malaya**

**Kuala Lumpur, Malaysia**

**[mdrozimi@yahoo.com.my](mailto:mdrozimi@yahoo.com.my)**

**[akamal@um.edu.my](mailto:akamal@um.edu.my)**

## **Pendahuluan**

Pelaksanaan Program Kepolisian Masyarakat atau lebih dikenali sebagai *Community Policing* dijalankan oleh pihak polis semasa menghadapi ancaman keganasan yang ditimbulkan oleh Parti Komunis Malaya(PKM) di era Darurat Pertama dari 1948 sehingga 1960 ternyata berkesan dalam usaha menarik sokongan masyarakat supaya bersama Pasukan Polis menyokong kerajaan melawan komunis. Undang-Undang Darurat diisyiharkan di Tanah Melayu oleh Sir Edward Gent pada 16 Jun 1948 ekoran peristiwa pembunuhan tiga orang eropah di dua buah ladang di Sungai Siput, Perak telah diperluaskan ke seluruh negara bila ancaman bersenjata PKM semakin memuncak.<sup>1</sup>

Pasukan Polis telah menjalankan pelbagai strategi untuk memenangi hati dan perasaan masyarakat supaya sentiasa di belakang kerajaan dan tidak sesekali memberi sokongan kepada sebarang kegiatan pengganas. Rancangan Briggs<sup>2</sup> yang melibatkan penempatan semula masyarakat khususnya masyarakat Cina yang tinggal di pinggir hutan di mana mereka mudah didekati oleh gerila PKM bagi mendapatkan sebarang maklumat serta bantuan makanan serta ubat-ubatan, program ini ternyata memberi impak yang baik dalam usaha memutuskan hubungan masyarakat dengan kumpulan pengganas selain dari satu jalan untuk merapatkan talian kerjasama antara masyarakat dengan pihak polis. Pada 1949, pasukan sukarela polis khas yang dianggotai oleh bangsa Cina ditubuhkan dikenali sebagai 'Chinese Special Anti-Bandit Volunteer Special Constable' juga dikenali

<sup>1</sup> Mereka yang terbunuh ialah Arthur Walker, berumur 50 thn, Pengurus Estet Elphil, Sungai Siput; John Allison, berumur 55 thn, Pengurus Estet Phin Soon, Sungai Siput dan pembantunya Ian Christian, berumur 21 thn. Lihat juga Gwee Hock Aun, *The Emergency In Malaya*, Pulau Pinang: Sinaran, 1966, hlm. 26, Harry Miller, *Menace In Malaya*, London: George H. Harrap & Co. Ltd., 1954, hlm. 81-83, Charles Gamba, *The Origins of The Trade Unionism In Malaya*, Singapore: Eastern Universities, 1962, hlm. 344-345, Noel Barber, *The War of The Running Dogs*, London: William Collins, 1971, hlm. 17-19, Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, Kuala Lumpur: Vinpress, 1988, hlm. 6, J.J Raj, Jr, *The War Years and After*, Subang Jaya: Pelandok Publications, 2000, hlm. 92, Federation of Malaya Police Monthly C.I.D Survey of Crime For June 1948, dalam C.O 717/175/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D Survey od Crime, hlm. 193; Memorandum of Situation In Malaya, C.O 717/178/52849/42, Law and Order, hlm. 31, *The Straits Times*, 17 June 1948, hlm. 1, Memorandum of The Situation In Malaya, C.O. 717/210/52849/3, Law and Order, hlm. 118, Choronoology of Important Event During The Emergency In Malaya For the Period June, 1948 to June 30<sup>th</sup> 1949, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chonology of Important Events During The Emergency; Sir Alex Newboult Mengumumkan Perluasan Undang-Undang Darurat ke Seluruh Negara, dalam *Hari Ini dalam Sejarah*, Jilid VII, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1994, hlm. 25, Utusan Melayu, 18 Jun 1948, hlm. 1

<sup>2</sup> Review Of The Emergency In Malaya From June 1948 to August 1957 by The Director Of Operations, Malaya, hlm. 17, dalam W.O.106/5990, Review Of The Emergency In Malaya, June 1948 - August 1957 by The Director Of Operations Malaya.

sebagai ‘Kwangsai’ dalam bahasa Mandarin merupakan satu jalan bagi merapatkan polis dengan masyarakat.

Kempen Bulan Melawan Penjahat atau lebih dikenali sebagai ‘*Anti Bandit Month*’ di seluruh Tanah Melayu pada 26 Feb hingga 2 April 1950 pula menyatukan rakyat supaya bersatu bersama-sama kerajaan menghapuskan gerila komunis.<sup>3</sup> Turut dijalankan ‘Community Listening Program’ bagi mendekatkan rakyat dengan informasi kerajaan mengenai berita serta perkembangan semasa darurat selain turut diselitkan dengan agenda propaganda supaya rakyat tidak memberi sebarang bantuan atau sokongan kepada gerila PKM. Risalah pengampunan beramai-ramai secara terbuka dalam pelbagai bahasa kepada pengganas komunis di hutan serta ahli Min Yuen<sup>4</sup> yang dikenali sebagai ‘Pas Akuan Keselamatan’<sup>5</sup> turut melibatkan peranan Pasukan Polis. Hakikatnya Program *Community Policing* berjaya menarik rakyat menyokong kerajaan menentang komunis dan Darurat diisyiharkan tamat sepenuhnya pada 31 Julai 1960.

### **Konsep Community Policing**

Konsep Program Kepolisan Masyarakat atau *Community Policing* berdasarkan kepada kerjasama antara Pasukan Polis dengan ahli masyarakat dalam menghadapi sesuatu perkara atau ancaman semasa. Di era tahun 1948 hingga tahun 1960, Pasukan Polis memfokuskan penugasan kepada menghapuskan pergerakan melitan pengganas komunis yang aktif melancarkan serangan atau sabotaj kemudian melarikan diri ke hutan. Peperangan melalui senjata tidak memberi jaminan kemenangan kepada kerajaan sehingga Sir Henry Gurney mengumumkan konsep untuk mendekati rakyat dengan memenangi hati dan perasaan mereka. Pada 22 Disember 1949, beliau telah mengisyiharkan dalam Majlis Perundungan Persekutuan mengenai rancangan untuk melancarkan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat.<sup>6</sup>

### **Struktur Pasukan Polis 1948**

Struktur serta fungsi Pasukan Polis di zaman ini perlu dipaparkan kerana ianya merupakan detik permulaan kepada sejarah perkembangan pembinaan dan pembangunan Pasukan Polis moden. Di zaman ini Pasukan Polis digunakan sepenuhnya untuk menghadapi serta memerangi ancaman keselamatan yang ditimbulkan oleh pengganas komunis, hal ini membawa maksud ancaman utama yang dihadapi oleh pemerintah Tanah Melayu ketika ini ialah ancaman yang ditimbulkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Kenapa perkara ini berlaku, sedangkan PKM telah menjalankan kerjasama padu dengan pihak British semasa menghadapi serangan tentera Jepun dengan membentuk satu pasukan yang dikenali sebagai ‘*Malayan People’s Anti-Japanese Army (MPAJA)*’.<sup>7</sup> Kumpulan ini membentuk *Malayan People’s Anti Japenese Army (MPAJA)* atau Tentera Rakyat Malaya Anti-Jepun, juga dikenali sebagai Bintang Tiga, pasukan ini kemudiannya bergabung dengan Force 136 melancarkan serangan gerila terhadap Tentera Jepun di mana sejumlah 2000 senjata telah disalurkan oleh Force 136 kepada MPAJA.

<sup>3</sup> Malayan Bulletin, vol. 4, No.37, 25<sup>th</sup> Januari 1950, dalam C.O 717/205/52932/1950, Memo D.C Watherston, Ketua Setiausaha kepada semua Kerajaan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan Pusat, Persekutuan, dalam Fail Pejabat Daerah Kemaman D.O.K Trengganu, D.O.K 18/1950, Anti-Bandit Month.

<sup>4</sup> Min Yuen ialah orang awam yang tinggal di bandar atau desa memberi sokongan kepada perjuangan PKM dengan membekalkan bantuan logistik seperti makanan, pakaian, ubatan serta maklumat semasa termasuk pergerakan pasukan keselamatan. Mereka juga terlibat sebagai orang perantara atau jaringan penghubung melalui suatu rangkaian sulit terhadap sesuatu operasi yang akan dijalankan oleh PKM.

<sup>5</sup> Declaration of Amnesty Dated 8<sup>th</sup> September 1955, dalam F.O. 371/116940/D1091/60, Amnesty.

<sup>6</sup> Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis Di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2010, hlm. 75

<sup>7</sup> James P. Ongkili, *Nation-Building In Malaysia 1946-1774*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 75, lihat juga C.C Too, *Defeating Communism In Malaya*, dalam Military Review, Ogos 1967, hlm. 83

Selain dari senjata api, pihak British juga menyalurkan bantuan logistik seperti makanan, ubatan dan wang bagi melancarkan urusan pentadbiran kumpulan ini.<sup>8</sup> Gandingan MPAJA dan Force 136 berjaya memberi satu tekanan kepada pemerintahan Tentera Jepun di Tanah Melayu serta menarik perhatian mereka bahawa wujudnya kumpulan yang menentang dengan menggunakan senjata api dan kumpulan ini bergerak serta melakukan serangan secara gerila. Kaum Cina merupakan bangsa majoriti dalam MPAJA berbanding dengan Melayu dan India kerana kaum Melayu dan India mendapat layanan yang lebih baik dari Tentera Jepun, manakala kaum Cina tidak dilayan dengan baik oleh Pentadbiran Jepun ekoran peperangan China Jepun yang berlaku sebelum Jepun menyerang Tanah Melayu.<sup>9</sup>

MPAJA digerakkan oleh golongan muda yang berumur belasan dan awal 20an terdiri dari lelaki dan wanita di mana mereka memainkan peranan mengikut keperluan perjuangan, wanita selalunya bertugas sebagai tukang masak, penyanyi lagu-lagu patriotik, tukang jahit serta merawat gerila yang sakit. Bagaimana pun terdapat juga gerila wanita yang berjuang memikul senjata. Pada tahun 1945, ahli MPAJA di Tanah Melayu dianggarkan seramai 8,000 orang.<sup>10</sup> Sepanjang pemerintahan Tentera Jepun di Tanah Melayu terdapat lapan rejimen MPAJA menjalani operasi gerila di beberapa kawasan seperti di Selangor, Rejimen Pembelaan Pertama, di Negeri Sembilan, Rejimen Pembelaan Kedua, di Johor Utara dan Melaka, Rejimen Pembelaan Ketiga, di Perak dan Kelantan, Rejimen Pembelaan Keempat, di Johor Selatan, Rejimen Pembelaan Kelima, di Pahang Barat, Rejimen Pembelaan Keenam, di Pahang Timur, Rejimen Pembelaan Ketujuh, (juga termasuk Kelantan dan Terengganu), di Kedah dan Perlis, Rejimen Pembelaan Kelapan.<sup>11</sup> (seperti di jadual 2.1 di bawah). Secara tidak langsung MPAJA merupakan pelindung kepada orang Cina di Tanah Melayu dari ditindas dan diseksa oleh Tentera Jepun.

Jadual 2.1: Rejimen MPAJA di Tanah Melayu

Rejimen	Kawasan Operasi
Rejimen Pembelaan Pertama	Selangor
Rejimen Pembelaan Kedua	Negeri Sembilan
Rejimen Pembelaan Ketiga	Johor Utara dan Melaka
Rejimen Pembelaan Keempat	Perak dan Kelantan
Rejimen Pembelaan Kelima	Johor Selatan

<sup>8</sup> Harry Miller, op. cit., hlm 30-31. Lihat juga Ramlan Hamzah, Parti Komunis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya, *Jebat*, bil. 3/4, 1973/4 1974/5 hlm. 60, James P. Ongkili, *Nation-Building In Malaysia 1946-1974*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm. 75

<sup>9</sup> PKM menggunakan isu Perang China Jepun yang berlaku di Tanah besar China pada tahun 1937 sebagai suatu alat untuk mendapatkan sokongan serta menaikan semangat kaum Cina di Tanah Melayu. Kempen anti Jepun turut dilancarkan dengan menghasut kaum Cina supaya memulau barang-barang keluaran Jepun. Lihat juga Victor Purcell, *The Chinese In Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hlm. 245, Wan Hashim, *Race Relations in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1983, hlm. 38, Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle In Malaya*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1971, hlm. 50, Harry Miller, *Menace In Malaya*, London: George H. Harrap & Co. Ltd., 1954, hlm. 31, Khong Kim Hoong, *The Early Political Movement Before Independence*, dalam Zakaria Haji Ahmad (ed.), *Government and Politics of Malaysia*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 12, P. Lim Pui Huen, *Memoirs of War in Malaya*, dalam Paul H. Kratoska (ed.), *Malaya and Singapore During The Japanese Occupation*, Singapore: The Nasional University of Singapore, 1995, hlm. 138

<sup>10</sup> P.C Campbell, *Chinese Coolie Emigration To Countries Within The British Empire*, London: P.S King and Son Ltd., 1923, hlm. 136, lihat juga Richard Stubbs, *Hearts and Minds In Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989, hlm. 45.

<sup>11</sup> Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press, 1983, hlm. 60-62, lihat juga Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation Of Malaya 1941-1945*, Australia: Allen & Unwin, 1988, hlm. 292.

Rejimen Pembebasan Keenam	Pahang Barat
Rejimen Pembebasan Ketujuh	Pahang Timur, Kelantan dan Terengganu
Rejimen Pembebasan Kelapan	Kedah dan Perlis

---

Sumber : Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press, 1983, hlm. 60-62, lihat juga Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation Of Malaya 1941-1945*, Australia: Allen & Unwin, 1988, hlm. 292.

Sokongan yang diberikan oleh orang Cina kepada MPAJA dilihat lebih kepada sokongan dari kumpulan terdesak di mana MPAJA merupakan suatu tempat bergantung atau berlindung dari terus ditindas oleh pihak Jepun. Oleh yang demikian MPAJA menjadi popular di kalangan masyarakat Cina, apatah lagi bila mereka menyedari MPAJA disokong oleh British. Merujuk kepada jadual 2.1 di atas, hanya Pulau Pinang sahaja Rejimen MPAJA tidak ditubuhkan, selain dari itu, kesemua negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu mempunyai Rejimen MPAJA sendiri. Kejayaan MPAJA menubuhkan rejimen ini membuktikan bahawa MPAJA mendapat sokongan padu dari masyarakat kaum Cina di seluruh Tanah Melayu untuk sama-sama berjuang menentang kehadiran Tentera Jepun. Harus diakui bahawa kekuatan sokongan kaum Cina kepada MPAJA menjadi tonggak kepada kekuatan PKM selepas Tentera Jepun menyerah kalah dan Tanah Melayu kembali ditadbir oleh pihak British. Perjanjian ketenteraan yang dipersetujui rupanya tidak berpanjangan kerana PKM mempunyai agenda lain iaitu untuk menubuhkan sebuah Republik Komunis di Tanah Melayu.<sup>12</sup>

Semasa melalui proses pembentukan bagi menguatkan struktur serta fungsi sudah pasti Pasukan Polis menghadapi pelbagai halangan dan rintangan bukan sahaja dari pihak luar atau musuh seperti komunis yang sentiasa memerhati, kejadian jenayah yang ditimbulkan oleh individu atau kumpulan kongsi gelap malah karenah dalaman pasukan sendiri turut memberi impak bagi memacu pasukan ini supaya teguh berdiri. Bagi menjunjung peranannya sebagai institusi yang dipertanggungjawab menjaga keamanan serta menguatkuasa undang-undang utama negara, Pasukan Polis mengalas amanah ini untuk memastikan keselamatan negara serta rakyatnya senantiasa terpelihara. Perkara ini terbukti berkesan bila Tanah Melayu akhirnya diisytiharkan bebas sepenuhnya dari belenggu darurat pada 31 Jul 1960 setelah mengharungnya selama 12 tahun 45 hari.<sup>13</sup> Sebagai pengiktirafan kepada sumbangan serta pengorbanan setiap warga pasukan polis bagi memulih serta mengekalkan keamanan negara, Pasukan Polis Tanah Melayu telah dianugerahkan gelaran ‘Diraja’ pada 24 Julai 1958 oleh Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Mohamad, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pertama pada satu upacara perbarisan gilang gemilang bertempat di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur. Semenjak hari itu pasukan polis dikenali sebagai Pasukan Polis Diraja Tanah Melayu.<sup>14</sup>

Semasa meletusnya perang di Eropah pada tahun 1939, PKM dianggarkan mempunyai seramai 37,000 orang ahli. Kekuatan keanggotaan ini membolehkan PKM menawar kerjasama dengan pihak British apabila Tentera Jepun mula melakukan serangan ke atas Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 dan tawaran ini pada awalnya ditolak tetapi akhirnya diterima oleh Pihak British berdasarkan kerjasama ketenteraan dan bukannya kerjasama politik.<sup>15</sup> Pada masa yang sama, semua ahli PKM yang sedang menjalani hukuman di dalam penjara kerana terlibat dengan kegiatan

---

<sup>12</sup> J.J Raj (Jr), *The War Years & After*, Subang Jaya: Pelandok Publications, 2000, hlm. 57, lihat juga SP. 18/9C/225, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid. 3, 1958, hlm. 24

<sup>13</sup> Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960 Keadaan Sosial Di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2011, hlm. 277.

<sup>14</sup> Mohd Reduan Aslie, *Polis Diraja Malaysia Sejarah, Peranan Dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., 1987, hlm. 120.

<sup>15</sup> Harry Miller, *Jungle War in Malaya*, London, Arthur Baker, 1972, hlm 28-29

melawan Kerajaan British telah diberi pengampunan dan dibebaskan pada 15 Disember 1941. Pihak British bersetuju untuk memberi latihan berkaitan dengan taktik serta teknik perperangan secara gerila kepada pihak komunis sebagai persediaan untuk melawan kemaraan tentera Jepun. Pada 21 Disember 1941, Jawatankuasa Kerja Pusat PKM bersetuju menjalin kerjasama dengan British berasaskan kepada empat perkara utama iaitu :<sup>16</sup>

- a. Menyatukan semua rakyat Tanah Melayu membantu British menentang kemaraan Jepun;
- b. Membasmi semua ahli sayap kelima, ejen musuh dan pembelot;
- c. Membekalkan senjata kepada semua ahli parti dan rakyat untuk menentang kemaraan Jepun;
- d. Menentang pendudukan Jepun menerusi penubuhan gerakan bawah tanah dan perang gerila.

Tentera Jepun berjaya menawan Singapura pada 15 Februari 1942, di mana bermulalah pentadbiran baru di Tanah Melayu berasaskan kepada sistem yang diperkenalkan oleh pihak Jepun. Sistem ini telah mengabungkan semua negeri-negeri Melayu termasuk Sumatera dengan Singapura dijadikan sebagai pusat pentadbiran. Di waktu ini tidak ada lagi pentadbiran mengikut Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu.<sup>17</sup>

Kerajaan British juga turut memperkenalkan beberapa undang-undang yang memberi kuasa kepada Pasukan Polis untuk menghalang mana-mana individu luar dari Kesatuan Sekerja untuk berucap semasa mesyuarat atau ketika perjumpaan ahli diadakan. Undang-undang ini juga membolehkan Pasukan Polis menghalang mana-mana pemimpin kesatuan yang cuba melakukan apa-apa kegiatan yang boleh menimbulkan suasana tidak tenteram di kawasan tempat kerja atau kediaman mereka.<sup>18</sup> Secara tidak langsung Pasukan Polis mula diberi lebih kuasa untuk memeriksa, menangkap serta menahan mana-mana individu yang menghasut pekerja supaya melakukan mogok untuk menentang serta menjatuhkan kerajaan.

Langkah ini ternyata berkesan sebagai suatu tindakan pencegahan dari berlakunya sebarang insiden yang tidak diingini bila majoriti Jawatankuasa Kesatuan Sekerja diresapi oleh pengaruh komunis. Pemberian kuasa kepada Pasukan Polis untuk menanggani perkara ini juga dilihat sebagai suatu serampang untuk merapatkan hubungan polis dengan masyarakat yang terdiri daripada pekerja di pelbagai sektor yang wujud di Tanah Melayu ketika itu, secara tidak langsung hubungan polis dengan masyarakat sudah mula terbina bagi memastikan keadaan dan suasana tempat kerja bebas dari sebarang bentuk ancaman yang meruntuhkan keamanan serta keharmonian kehidupan rakyat.

<sup>16</sup> *Federation Of Malayan Year Book 1956*, (Kuala Lumpur: The Malay Mail Press Co. Ltd.), hlm. 86 lihat juga Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle In Malaya*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1971, hlm. 43, Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 11-12, Ramlan Hamzah, Parti Komunis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya, *Jebat*, bil. 3/4, 1973/4 1974/5, hlm. 60.

<sup>17</sup> *Malay Sinpo*, 15 January 2604 (1944), hlm. 1; 12 February 2604 (1944), hlm. 2; *The Syonan Times*, 21 February 2602 (1942), hlm. 3; *The Straits Times*, 15 February 1946, hlm. 2; *Nanyang Siang Pau*, 26 September 1945, hlm. 2, lihat juga Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, London: MacMillan Press Limited, 1982, hlm. 288, Jim Baker, *Crossroads: A Popular History of Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Times Books International, 2000, hlm. 221, Paul H. Kratoska, *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*, Australia: Allen & Unwin, 1998, hlm. 36-42, R.S Milne dan Diane K. Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 24-25, Ban Kah Choon and Yap Hong Kuan, *Rehearsal For War: Resistance and The Underground War Against The Japanese and The Kempeitai 1942-1945*, Singapore: Horizon Books, 2002, hlm. 18-22

<sup>18</sup> Ibid., hlm. 13.

Bagi menanggani kekangan ini, PKM dalam satu mesyuarat pimpinan yang diadakan pada akhir bulan Mei 1948 di hutan antara daerah Raub dengan Bentong, Pahang mengambil keputusan untuk melancarkan serangan bersenjata terhadap Kerajaan British di Tanah Melayu.<sup>19</sup> Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Chin Peng, Setiausaha Agung PKM yang baru berusia 26 tahun.<sup>20</sup> Beliau mengambil alih jawatan ini daripada Setiausaha Agung PKM yang pertama iaitu Loi Tak.<sup>21</sup> Semasa mesyuarat ini, Chin Peng merangka strategi PKM melalui tiga peringkat iaitu:

- |         |  |
|---------|--|
| Pertama | - Melancarkan sebotaj di kawasan yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi Kerajaan British seperti ladang getah, kawasan lombong termasuk memusnahkan landasan keretapi, wayar telefon dan saluran air. Juga melakukan pencolekan, peras ugut dan membakar bangunan kerajaan. |
| Kedua   | - Menguasai kawasan-kawasan pendalam dan menjadikan kawasan ini kawasan bebas,   |
| Ketiga  | - Menguasai keseluruhan Tanah Melayu dan menegakkan Republik Demokratik Rakyat Malaya. <sup>22</sup>   |

PKM juga turut melancarkan operasi bagi melemahkan ‘morale’ Kerajaan British dengan membunuh pegawai dan anggota polis khususnya pegawai *Special Branch*, dan pemimpin serta

---

<sup>19</sup> N.Barber, *The War of The Running Dogs*, London: William Collins, 1971, hlm. 28.

<sup>20</sup> Chin Peng, lahir [21 Oktober 1924](#) di [Sitiawan](#), Perak. Nama asal Wong Man-wu atau Ong Boon Hwa/Hua, meninggal 16 September 2013 di [Bangkok](#), Thailand. Beliau telah dianugerahi *Order of the British Empire* (OBE) dan dua pingat kerana membantu British melawan pendudukan Jepun di Malaya dalam Perang Dunia Kedua. Beliau berketurunan [Kantonis](#) yang dilahirkan di sebuah kedai kecil dua tingkat menjual basikal, di No. 36, Jalan Kampung Koh, [Sitiawan](#) yang terletaknya 50 kilometer dari barat daya bandar [Ipoh, Perak](#). Bagaimanapun, dalam perbicaraan memohon dibenarkan masuk Malaysia, dia gagal mengemukakan sijil kelahirannya. Dia merupakan anak kedua daripada enam beradik yang hidup dalam kemiskinan. Ayahnya datang dari negara China dan kecewa akibat [kemelesetan ekonomi 1930](#). Semasa berumur 15 tahun, Chin Peng mempunyai perasaan yang dekat dengan nasionalis berpendidikan barat Chiang Kai Shek yang menguasai kawasan selatan China dan [Taiwan](#). Namun, buku kecil '[On Protacted War](#)' karangan Mao Zedong mengubah pendiriannya kepada aliran [komunisme](#). Tekadnya jelas untuk menentang Jepun yang kemudian menyerang [Tanah Melayu](#) pada tahun 1941. Pada tahun 1940, beliau diterima untuk menyertai [Parti Komunis Malaya](#) iaitu satu cabang [Parti Komunis China](#) di seberang laut. Dia turut menyertai [Force 136](#), satu pasukan bersenjata yang ditubuhkan oleh perisik British bagi menentang Jepun di Tanah Melayu. Ketika itu umurnya baru sahaja 18 tahun. Chin Peng memimpin [MPAJA](#) atau Malayan People Anti-Japanese Army, sebuah pasukan [gerila](#) bagi menentang tentera Jepun. Dilantik menjadi Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM) ketika berusia 23 tahun. Lihat juga Alias Chin Peng, *My Side of History*, Singapore: Media Masters Pte. Ltd., 2003, Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle In Malaya*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1971, hlm. 104-107, *The Straits Times*, 2 December 1989, hlm. 1 dan 8

<sup>21</sup> Loi Tak, atau dikenali juga Lai Tek @ Wright @ Chan Hong @ Hoang A Nhac, berasal dari Vietnam dan pernah menjadi kawan Ho Chi Minh semasa di Hong Kong pada awal tahun 1930an. Pernah menjadi agen Perancis di Vietnam dan bertindak sebagai ‘double agent’ kepada British dan Jepun. Mula menjadi Setiausaha Agung PKM pada 1939 hasil dari percaturan British. Pada Feb 1947 PKM menyedari bahawa beliau merupakan ‘double agent’ setelah beliau menghilangkan diri bersama wang parti. Beliau kemudiannya ditangkap oleh Parti Komunis Thailand semasa berada di Bangkok dan dibunuh, mayatnya dilaporkan dimasukkan ke dalam guni dan dihanyutkan di sungai. Lihat juga Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 20-21, Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960*, Kuala Lumpur: AMR Holding Sdn. Bhd., 2007, hlm. 2, Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*, London: Frederick Muller Ltd., 1975, hlm. 39-43, Lucien W. Pye, *Guerrilla Communism in Malaya: Its Social and Political Meaning*, New Jersey: Princeton University Press, 1956, hlm. 337

<sup>22</sup> Harry Miller, *Jungle War in Malaya*, London: Arthur Baker, 1972, hlm. 46-47

orang kenamaan. Tanggungjawab ini diserahkan kepada skuad bergerak atau ‘mobile unit’ yang terdiri daripada 10-20 orang anggota PKM yang tinggal di pinggir bandar, kawasan setinggang dan kawasan berhampiran hutan. Kemuncak kepada keganasan yang ditimbulkan oleh PKM ialah bila mereka membunuh tiga warga Eropah di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun 1948.<sup>23</sup> Insiden ini menyebabkan Kerajaan British mengambil tindakan segera dengan mengisytiharkan Undang-Undang Darurat yang pada awalnya hanya membabitkan Sungai Siput dan Ipoh, Perak seterusnya dua hari kemudian undang-undang ini diperluaskan kepada seluruh negeri di Tanah Melayu.<sup>24</sup>

Sepanjang zaman darurat 1948-1960, perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu yang merupakan perkhidmatan pengangkutan terpenting pada waktu ini menempuh pelbagai ancaman serta sabotaj daripada PKM bila mereka diserang, dibom, ditembak, malah landasannya juga dirosakkan yang mengakibatkan berlakunya kegelinciran gerabak sehingga membawa kepada kecederaan dan kehilangan nyawa penumpang.<sup>25</sup> Sebanyak 197 kejadian kegelinciran dilaporkan sepanjang tempoh perisyiharan darurat, 172 kali ditembak pengganas, 19 stesen musnah dibakar, 580 alat komunikasi semboyan rosak, 441 kes sabotaj landasan dan jambatan, 78 lokomotif musnah dan melibatkan 45 penumpang terbunuh serta 176 penumpang cedera, dan 18 orang kakitangan terbunuh serta 42 orang kakitangan mengalami kecederaan.<sup>26</sup> Keterangan lanjut seperti di Jadual 2.2 di bawah:

Jadual 2.2 : Sabotaj PKM ke atas Perkhidmatan Keretapi 1948-1960

Jenis Sabotaj	Jumlah
Khianat alat komunikasi semboyan	580
Khianat landasan dan jambatan	441
Kegelinciran lokomotif	197
Keretapi ditembak	172
Lokomotif musnah	78

<sup>23</sup> Mereka yang terbunuh ialah Arthur Walker, berumur 50 thn, Pengurus Estet Elphil, Sungai Siput; John Allison, berumur 55 thn, Pengurus Estet Phin Soon, Sungai Siput dan pembantunya Ian Christian, berumur 21 thn. Lihat juga Gwee Hock Aun, *The Emergency In Malaya*, Pulau Pinang: Sinaran, 1966, hlm. 26, Harry Miller, *Menace In Malaya*, London: George H. Harrap & Co. Ltd., 1954, hlm. 81-83, Charles Gamba, *The Origins of The Trade Unionism In Malaya*, Singapore: Eastern Universities, 1962, hlm. 344-345, Noel Barber, *The War of The Running Dogs*, London: William Collins, 1971, hlm. 17-19, Yuen Yuet Leng, *Operation Ginger*, Kuala Lumpur: Vinpress, 1988, hlm. 6, J.J Raj, Jr, *The War Years and After*, Subang Jaya: Pelandok Publications, 2000, hlm. 92, Federation of Malaya Police Monthly C.I.D Survey of Crime For June 1948, dalam C.O 717/175/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D Survey od Crime, hlm. 193; Memorandum of Situation In Malaya, C.O 717/178/52849/42, Law and Order, hlm. 31, *The Straits Times*, 17 June 1948, hlm. 1

<sup>24</sup> Memorandum of The Situation In Malaya, C.O. 717/210/52849/3, Law and Order, hlm. 118, Choronoology of Important Event During The Emergency In Malaya For the Period June, 1948 to June 30<sup>th</sup> 1949, hlm. 1, dalam Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chonology of Important Events During The Emergency; Sir Alex Newboult Mengumumkan Perluasan Undang-Undang Darurat ke Seluruh Negara, dalam *Hari Ini dalam Sejarah*, Jilid VII, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1994, hlm. 25, Utusan Melayu, 18 Jun 1948, hlm. 1

<sup>25</sup> The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 88 For The Week Ending The 10<sup>th</sup> January 1952, Part III, dalam C.O. 1022/13/SEA10/14/03, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity; Memorandum-Sabotage of Malayan Railway Track, hlm. 1-2, dalam C.O. 1022/1/SEA10/01, General Emergency Situation In Malaya.

<sup>26</sup> Utusan Malaysia, 12 Oktober 1991, hlm. 8, lihat juga S.S Awbery and F.W. Dalley, *Labour and Trade Union Organisation In The Federation of Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hlm. 3-4, *The Singapore Free Press*, 3 February 1949, hlm. 1, Daily Worker, 22 November 1948, dalam C.O 717/210/52849/3, Law and Order, hlm. 47, *The Malay Mail*: 7 February 1949, hlm. 5; 8 February 1949, hlm. 5; 9 February 1949, hlm. 5; The Malayan Tribune (Kuala Lumpur), 7 February 1949, hlm. 1; 9 June 1949, hlm. 1; 14 June 1949, hlm. 7

Stesen dibakar	19
Penumpang terbunuh	45
Penumpang cedera	176
Kakitangan terbunuh	18
Kakitangan cedera	42

Sumber: diubah suai dari Utusan Malaysia, 12 Oktober 1991, hlm. 8, lihat juga S.S Awbery and F.W. Dalley, *Labour and Trade Union Organisation In The Federation of Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Government Press, 1948, hlm. 3-4, *The Singapore Free Press*, 3 February 1949, hlm. 1, Daily Worker, 22 November 1948, dalam C.O 717/210/52849/3, Law and Order, hlm. 47, *The Malay Mail*: 7 February 1949, hlm. 5; 8 February 1949, hlm. 5; 9 February 1949, hlm. 5; The Malayan Tribune (Kuala Lumpur), 7 February 1949, hlm. 1; 9 June 1949, hlm. 1; 14 June 1949, hlm. 7

Bagi menanggani ancaman keganasan PKM terhadap perkhidmatan keretapi yang secara langsung melibatkan keselamatan orang awam atau rakyat yang menggunakan perkhidmatan ini Pasukan Polis telah menubuahkan satu bahagian yang bertanggungjawab terhadap keselamatan perkhidmatan keretapi meliputi keselamatan di stesen, keselamatan landasan serta keselamatan penumpang. Langkah ini juga merupakan salah satu langkah untuk merapatkan hubungan antara polis dengan masyarakat. Anggota polis yang bertugas di stesen atau di lokomotif dipertanggungjawabkan menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi oleh masyarakat serta memberi khidmat nasihat supaya bersama-sama berganding bahu dengan pasukan keselamatan menghapuskan pergerakan komunis.<sup>27</sup>

Sementara itu, pemandu keretapi dinasihatkan supaya tidak membawa keretapi terlalu laju bagi membolehkan tindakan memberhentikan lokomotif diambil bagi mengelakkan kemalangan yang lebih besar bila terkesan sebarang ancaman atau perbuatan khianat terhadap landasan manakala penumpang pula sentiasa diingatkan supaya mengambil langkah perlu seperti meniarap di lantai bila berlakunya serangan atau tembakan dari pihak komunis.<sup>28</sup> Jadual perjalanan keretapi turut diubah di mana waktu perjalanan malam dikurangkan atau diubah kepada waktu siang bagi mengelakkan serangan daripada komunis.<sup>29</sup>

### Program Community Policing

Selepas Kerajaan British mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu, beberapa undang-undang turut diperkenalkan bagi memastikan keamanan dapat dipulihkan kembali dan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara. Sebagai sebuah pasukan yang diamanahkan menjaga ketenteraman rakyat dan negara, kuasa polis turut diperluaskan, tidak sekadar memeriksa serta menahan mana-mana individu yang melakukan kesalahan malah turut bertanggungjawab terhadap pelaksanaan perintah berkurung di sesuatu tempat atau kawasan. Undang-undang yang dilaksanakan ialah<sup>30</sup>:

- i. The Emergency (Criminal Trials) Regulations 1948
- ii. The Emergency (Detained Persons) Regulations 1948
- iii. The Emergency (Registration Areas) Regulations 1948

<sup>27</sup> Federation of Malaya Annual Report 1949, hlm. 165-166, lihat juga Federation of Malaya Annual Report 1956, hlm. 359, *Malaya Railway Administration Report For The Year 1956*, London: Malayan Railway Administration, 1957, hlm. 17

<sup>28</sup> SP. 18/9C/229, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, bil. 11, 1958, hlm. 37-38, lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 7 August 1948, hlm. 4, *Kwong Wah Yu Poh & Penang Sin Poe*, 7 August 1948, hlm. 4

<sup>29</sup> SP. 18/9C/229, *Majalah Bulanan Malaya*, Jilid 3, bi. 11, 1958, hlm. 37

<sup>30</sup> Federation Of Malaya Annual Report 1948, hlm. 115

- iv. The Emergency (Auxiliary Police) Regulations 1948
- v. The Emergency (Travel Restrictions) Regulations 1948
- vi. The Restricted Residence (Extended Application) Ordinance 1948 dan Restricted Residence (Amendment) Ordinance 1948.
- vii. The Banishment Ordinance 1948

Sepanjang tahun 1948, seramai 1,779 orang telah ditahan di bawah *Emergency Regulation* kerana terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan PKM, seramai 52 orang dihantar balik ke Negara China manakala 606 orang lagi dibuang negeri melalui *Orders Of Banishment Ordinance 1948*.<sup>31</sup> Langkah ini diambil bagi membuktikan bahawa kerajaan akan bertindak tegas terhadap mana-mana individu yang terlibat dengan sebarang perkara yang membabitkan PKM sama ada secara langsung atau tidak langsung sebagai ahli yang bergerak serta berjuang di hutan mengikut perang gerilla atau menyertai PKM sebagai ahli yang menyalurkan maklumat, bekalan makanan dan ubatan serta lain-lain keperluan logistik.<sup>32</sup>

Bagi memastikan kejayaan ini, Pasukan Polis ditugaskan memainkan peranan dengan berkesan melalui jaringan kerjasama dengan masyarakat untuk mendapat dan mengumpulkan seberapa banyak maklumat bagi dianalisis seterusnya melakukan tindakan susulan dengan lebih sempurna dan berjaya. Tindakan ini menuntut pihak polis mempunyai suatu hubungan atau ikatan yang kuat dengan masyarakat supaya wujud nilai kepercayaan antara mereka dalam menghadapi musuh bersama iaitu komunis, bila situasi ini terbina Pasukan Polis dapat menanggani ancaman komunis dengan lebih berkesan yang akhirnya kawasan bebas ancaman komunis atau dikenali sebagai ‘Kawasan Putih’ diisyiharkan peringkat demi peringkat yang akhirnya seluruh kawasan di Tanah Melayu diisyiharkan sebagai sebuah negara bebas komunis.<sup>33</sup>

Selepas pembubaran Malayan Union, kekuatan keanggotaan Pasukan Polis di Tanah Melayu adalah seramai 11500 orang yang terbahagi kepada 9422 orang pegawai dan anggota yang bertanggungjawab menjaga keamanan manakala 2078 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan awam yang bertanggungjawab kepada tugas pentadbiran. Cawangan Kebajikan dan Cawangan Pengangkutan merupakan antara cawangan yang paling awal ditubuhkan. Sementara itu, Cawangan Semboyan, Persenjataan, Polis Marin, Bekalan dan Logistik turut diperkemaskan. Cawangan Siasatan Jenayah atau lebih dikenali *Crime Investigation Department (CID)* pula ditubuhkan disetiap negeri.<sup>34</sup> Kejadian jenayah yang dilaporkan sepanjang 1947-1948 adalah seperti Jadual 2.3:

Jadual 2.3: Laporan Kes Jenayah 1947-1948

Kes Jenayah	Jumlah
Bunuh	180 kes

<sup>31</sup> Kho Kay Kim, Komunis Di Tanah Melayu: Peringkat Awal, dalam Jurnal Sejarah, Jilid X, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1971/72 hlm. 71-72

<sup>32</sup> Kumar Ramakrishna, The Making of A Malayan Propagandist: The Communist, The British and C.C. Too, *MBRAS*, Vol. LXXIII, Part. 1, 2000, hlm. 71, lihat juga Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle In Malaya*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1971, hlm. 109

<sup>33</sup> H.E The High Commissioner’s Adress To The Legislative Council To Be Delivered on 25<sup>th</sup> November 1953, hlm. 5 dalam C.O. 1022/100/SEA34/192/01, The High Commissioners Addresses To The Legislative Council, lihat juga ‘Melaka Diisyiharkan sebagai Kawasan Putih’ dalam *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid III, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1983, hlm. 229

<sup>34</sup> Mohd Reduan Asli dan Mohd Radzuan Ibrahim, Polis Diraja Malaysia, Sejarah, Peranan Dan Cabaran, Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., 1987, hlm. 94-95, 106

Rompak Berkumpulan	357 kes
Rompak	632 kes
Rampasan Pistol	135 kes
Rampasan Rifles	419 kes
Rampasan Senapang Patah	138 kes

Sumber : Mohd Reduan Asli dan Mohd Radzuan Ibrahim, Polis Diraja Malaysia, Sejarah, Peranan Dan Cabaran, Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., 1987, hlm. 94-95

Memandangkan kejadian jenayah seperti bunuh dan rompakan kerap kali berlaku, pihak British mengambil langkah segera dengan mengandakan jumlah kekuatan keanggotaan bagi memastikan tindakan pencegahan dapat dijalankan. Menjelang 1950 Pasukan Polis telah muncul sebagai sebuah pasukan keselamatan yang terbesar dengan jumlah kekuatannya seramai 161,281 anggota serta pegawai.<sup>35</sup> Pecahan ini terbahagi kepada bahagian seperti di Jadual 2.4 :

Jadual 2.4 : Pecahan Keanggotaan Pasukan Polis 1950

Bahagian	Keanggotaan
Anggota Tetap	31,164 orang
Polis Khas (SC)	44,117 orang
Polis Tambahan	86,000 orang

Sumber : Perentah Pasukan PDRM, 19hb. Sep 1988, hlm. 1

Bahagian Risikan Keselamatan atau dikenali sebagai *The Malayan Secret Service* yang dibentuk selepas Jepun menyerah kalah pada awalnya di bawah pentadbiran CID, kemudiannya dipisahkan menjadi unit berasingan kerana badan perisikan gagal berfungsi dengan baik apabila pertelagahan penugasan sering kali berlaku. Unit ini dinamakan Cawangan Khas atau lebih dikenali sebagai *SpecialBranch* (SB). Penubuhan sebuah unit perisikan yang bertanggungjawab terhadap penugasan risikan di bawah Pasukan Polis merupakan suatu yang berbeza dengan negara-negara lain kerana kebiasaanya unit perisikan negara ditubuhkan berasingan dan bukan sebahagian dari Pasukan Polis, misalnya KGB di Rusia, CIA di Amerika Syarikat, dan Badan Inteligen Nasional di Indonesia. Pengasingan dari CID membolehkan SB memainkan peranan dengan lebih berkesan serta mengatur strategi untuk menghapuskan ancaman komunis dengan merapatkan hubungan mereka bersama masyarakat bila mana masyarakat sedia untuk memberi kerjasama menyalurkan maklumat berkaitan pergerakan komunis. Guy C. Madoc, seorang pegawai perisik berpengalaman dilantik menerajui SB sebagai Ketua Bahagian. Beliau telah berjaya membuat suatu perubahan radikal bermodelkan Badan Perisikan British yang dinamakan MI5 dan MI6.<sup>36</sup>

Penubuhan *Jungle Squad* merupakan suatu langkah pihak British memperluaskan kuasa dan tanggungjawab Pasukan Polis untuk memberi tekanan kepada komunis bahawa mereka akan diekori walaupun melarikan diri ke dalam hutan. Pegawai dan anggota dalam pasukan ini dilatih dengan latihan separa tentera serta diberi kemahiran berkaitan dengan taktik dan teknik peperangan gerila. Pasukan ini juga ditugaskan untuk menjaga *Jungle Fort* atau kubu hutan bagi memastikan

<sup>35</sup> Perentah Pasukan PDRM, 19hb. Sep 1988, hlm. 1 (terhad)

<sup>36</sup> Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 36-37, lihat juga Harry Miller, *Jungle War in Malaya*, London: Arthur Baker, 1972, hlm. 81; Edgar O'balance, *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-1960*, London: Faber and Faber, 1960, hlm. 118-119; R.W. Komer, *The Malayan Emergency in Retrospect: Organization of A Successful Counterinsurgency Effort*, Santa Monica, California: Rand, 1972, hlm. 43.

keselamatan Orang Asli sentiasa terjamin dan bebas dari sebarang ganguan atau ancaman dari komunis. *Jungle Squad* kemudiannya ditukarkan kepada nama Pasukan Polis Hutan bila keanggotaan dan bentuk penugasannya semakin berkembang, di mana operasi pasukan ini turut diadakan secara bersama dengan Pasukan Polis Thailand di kawasan sempadan.<sup>37</sup> Walau pun penugasan bahagian ini lebih tertumpu kepada penugasan hutan tetapi mereka juga dituntut mengadakan hubungan yang erat dengan masyarakat setempat, khususnya orang asli bila bertugas di kubu hutan bagi menyalurkan sebarang informasi terhadap sebarang tanda bagi mengesan pergerakan pengganas komunis.

*Special Constabulary (SC)* pula ditubuhkan oleh British untuk menjaga keamanan dan keselamatan di kawasan ladang getah, perlombongan, harta persendirian dan harta awam dari disabotaj atau dimusnahkan oleh komunis. Penubuhan SC lebih kepada keperluan untuk menjaga kepentingan ekonomi pelabur British, pemilik ladang getah serta lombong timah dari sebarang ancaman serangan komunis kerana pihak komunis mengariskan serangan terhadap sumber ekonomi British dalam strategi mereka untuk melumpuh seterusnya menghalau British dari Tanah Melayu. Pada peringkat awal penubuhan pasukan ini lebih kepada peranan untuk penugasan statik dan bertindak sebagai defensif tetapi bila anggotanya diberi latihan termasuk cara mengendalikan senjata, mereka juga ditugaskan untuk membuat rondaan di kawasan mereka ditempatkan. Khidmat SC dibubarkan bila keadaan Tanah Melayu pulih sepenuhnya dari ancaman komunis dan darurat diisytiharkan tamat, bagaimana pun hasil dari penubuhan SC juga tertubuhnya Pasukan Unit Kawalan Kawasan (UKK).<sup>38</sup> Khidmat SC dan UKK juga menuntut setiap anggotanya sentiasa berdamping rapat dengan masyarakat setempat, hal ini menjadi lebih mudah kerana anggota SC dan UKK sememangnya terdiri dari ahli masyarakat di mana mereka bertugas dan di antara mereka saling kenal mengenali.

Penubuhan *Auxiliary Police (AP)* atau Polis Sukarela bertujuan untuk melibatkan penyertaan masyarakat setempat bersama berganding bahu dengan kerajaan untuk memerangi ancaman komunis. Masyarakat yang cintakan keamanan dan mahukan kehidupan yang lebih harmoni akan turut sama menyertai AP bagi memastikan kehidupan mereka, keluarga serta jiran tetangga sentiasa terjamin bebas dari gangguan ancaman komunis. Mereka juga boleh digerakkan ke sesuatu lokasi di penempatan mereka sendiri sekiranya terkesan sebarang pencerobohan anasir komunis sementara menunggu ketibaan Pasukan Polis. Ternyata peranan yang dimainkan oleh AP ini cukup berkesan dalam membantu Pasukan Polis menjaga keamanan sesuatu tempat memandangkan keanggotaan Pasukan Polis adalah terbatas. Anggota AP akhirnya diserapkan ke dalam *Police Volunteer Reserve (PVR)* bila pentadbirannya disusun semula bagi menjadikan ianya sebuah pasukan yang lebih sempurna dari segi pentadbiran dan penugasannya.<sup>39</sup>

Ancaman dan gangguan kehidupan oleh pengganas komunis turut dihadapi oleh penduduk kampung yang jauh terpencil atau di pinggir-pinggir hutan. Bagi mengawal keadaan ini mereka menujuhkan Unit Kawalan Kampung untuk memastikan kehidupan mereka bebas dari gangguan

<sup>37</sup> Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 62, lihat juga N. Barber, *The War of The Running Dogs*, London: William Collins, 1971, hlm. 234, Federal War Council Joint Intelligence Advisory Committee, *The Potential of The Malayan Communist Party*, hlm. 4, dalam F.O. 371/84482/F210110/38, A Report By The Joint Intelligence Advisory Committee of The Federal War Council on The Potential of the Malayan Communist Party.

<sup>38</sup> Mohd Reduan Asli dan Mohd Radzuan Ibrahim, *Polis Diraja Malaysia, Sejarah, Peranan Dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., 1987, hlm. 107-109, lihat juga J.J Raj (Jr), *The Struggle For Malaysian Independence*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., 2007, hlm. 83, Kumar Ramakrishna, *Emergency Propaganda: The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958*, Richmond, Surrey: Curzon Press, 2002, hlm. 55, Majlis, 23 Jun 1948, hlm. 1

<sup>39</sup> Mohd Reduan Asli dan Mohd Radzuan Ibrahim, op. cit., hlm. 109-112

komunis. Menyedari keadaan ini, pihak kerajaan menubuhkan *Home Guard* bagi menyelaraskan pentadbiran dan bentuk penugasan menjadi lebih tersusun. *Home Guard* juga ditubuhkan di kampung-kampung baru bila kerajaan melaksanakan dasar penempatan semula atau lebih dikenali sebagai Rancangan Briggs. Individu yang berumur 18 tahun sehingga 55 tahun layak untuk menyertai pasukan ini.

Pasukan ini didedahkan dengan ilmu menggunakan senjataapi bagi mempertahankan diri sekiranya terserap atau diserang oleh penggalas komunis, mereka juga akan membuat pemantauan terhadap kehadiran orang luar atau orang yang tidak dikenali ke kawasan mereka dan tindakan melapor kepada Pasukan Polis sekiranya individu yang tidak dikenali itu mencurigakan untuk tindakan seterusnya. Secara tidak langsung pasukan ini telah melepaskan sebahagian beban pasukan polis untuk menjaga keamanan di kampung, kampung baru, pekan kecil, dan ladang getah. Oleh yang demikian, Pasukan Polis boleh menumpukan sepenuhnya gerakan untuk menghapuskan komunis.<sup>40</sup> Pasukan ini berjaya memainkan peranan sebagai pemangkin yang merapatkan hubungan Pasukan Polis dengan masyarakat di mana jalinan kerjasama yang baik membolehkan strategi untuk menghapuskan komunis dapat disusun dengan lebih sempurna.

Masyarakat Orang Asli yang tinggal di hutan turut diberi perhatian oleh Pasukan Polis kerana mereka sentiasa terdedah kepada ancaman komunis. Sokongan mereka hendaklah dimenangi kerana kawasan operasi komunis merupakan tempat tinggal mereka. *Jungle Fort* atau Kubu Hutan dibina di mana tempat tinggal mereka sentiasa diawasi oleh Pasukan Polis setiap masa. Selain dari menjaga keselamatan, kebajikan mereka juga turut dijaga seperti kemudahan pendidikan, pakaian, kesihatan, ubat-ubatan serta bekalan makanan dari luar turut disalurkan kepada mereka. Kesedaran tentang bahaya ancaman komunis didedahkan dan kesediaan Orang Asli supaya mereka sentiasa bekerjasama dengan Pasukan Polis. Penubuhan Pasukan Senoi Prak yang bermaksud ‘Orang Perang’ dianggotai sepenuhnya oleh Orang Asli membolehkan Pasukan Polis menjalinkan hubungan rapat bagi menyekat sebarang aktiviti untuk memberi sokongan kepada komunis.<sup>41</sup> Hal ini membuktikan bahawa hubungan Pasukan Polis dengan masyarakat bukan sahaja berlaku di kawasan bandar atau kampung, malah turut berlaku dengan jayanya di kawasan penempatan Orang Asli di kawasan hutan.

Semasa Kerajaan British mengisytiharkan darurat pada 16 Jun 1948, Kolonel Langworthy Pesuruhjaya Polis Tanah Melayu ketika itu sedang sakit dan tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Oleh yang demikian, banyak arahan untuk menghadapi ancaman PKM tidak dikeluarkan oleh pucuk pimpinan pasukan menyebabkan pegawai pasukan di peringkat negeri dan daerah tidak dapat melakukan tindakan pencegahan dengan lebih teratur dan berkesan. Langworthy kemudiannya digantikan dengan Kolonel Nieol Gray pada 17 Ogos 1948. Bagaimana pun Pesuruhjaya Polis yang baru dilantik membuat beberapa keputusan yang menimbulkan rasa tidak puas hati pegawai yang berkhidmat di peringkat bawah kerana beliau membuat keputusan sendiri tanpa meminta pandangan daripada Ketua Polis Negeri yang telah lama berkhidmat di negara ini malah segala nasihat dan pandangan mereka juga tidak diterima pakai.<sup>42</sup>

<sup>40</sup> *Perak State Home Guard Manual*, hlm. 1, lihat juga Osman Mamat, Darurat Di Terengganu 1948-1960, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 39-47, Hassan Yusoff, Home Guard Mainkan Peranan Penting Dalam Masa Darurat Pertama, dalam *Sinar Zaman*, Jilid IX, bil. 97, Disember 1980, hlm. 28

<sup>41</sup> Review of The Emergency Situation In Malaya at the end of 1956, Kuala Lumpur, January 1957, by The Director of Operations, Malaya, hlm. 8, dalam W.O. 208/5356, Review of The Emergency Situation In Malaya; From June 1948 – August 1957, by The Director of Operations, Malaya, hlm. 18, dalam W.O. 106/5990, lihat juga . Thambipillay, *The Malayan Police Force In The Emergency 1948-1960*, Ipoh: R. Thambipillay, 2003, hlm. 44

<sup>42</sup> Hasan Yusof, Perkembangan Polis DiRaja Malaysia Di Semenanjung Tanah Melayu Pada Zaman Darurat: 1948-1960, thesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm 163-165.

Semasa Kolonel Nieol Gray mengambil alih tugas sebagai Pesuruhjaya Polis Tanah Melayu pada 17 Ogos 1948, beliau telah melakukan suatu transformasi dalam pasukan ini, waktu bertugas dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang telah ditukar kepada khidmat 24 jam sehari dan membuka pejabat setiap hari untuk memberi khidmat kepada masyarakat bukan seperti sebelum ini di mana pejabat ditutup pada setiap hujung minggu. Gray juga melaporkan beberapa kelemahan Pasukan Polis kepada Sir Henry Gurney seperti berikut :<sup>43</sup>

- a. Pentadbiran Pasukan Polis tidak mempunyai susunan kuasa yang teratur,
- b. Dasar Umum atau Khusus tidak dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Persekutuan,
- c. Sistem dan prosedur kerahsiaan, keselamatan maklumat, dokumen dan perbualan tidak dilaksanakan,
- d. Kekurangan pegawai dan anggota polis menyebabkan Ibu Pejabat tidak dapat berfungsi dengan baik serta penumpuan kuasa yang terlalu banyak kepada ibu pejabat,
- e. Kekurangan peruntukan kewangan menambahkan lagi masalah pentadbiran Pasukan Polis.

Menyedari akan kelemahan-kelemahan ini Gray telah menyusun beberapa strategi yang lebih berkesan untuk menanggani ancaman komunis meliputi aspek pentadbiran, latihan, logistik, keanggotaan dan operasi. Gray telah memperkenalkan sistem *command network* bagi membolehkan Ketua Polis Negeri berhubung terus dengan Ibu Pejabat Polis di Kuala Lumpur melalui radio di mana rangkaian ini berfungi 24 jam setiap hari. Pegawai dan anggota polis juga dilatih khas untuk mengendalikan *wireless* dengan menubuhkan cawangan teknikal. Bagi menjayakan program ini Gray telah meminjam 60 orang kakitangan tentera udara dan darat British termasuk peralatan komunikasi bagi memberi pendedahan awal kepada Pasukan Polis berkaitan dengan penugasan ini.<sup>44</sup>

Bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai dan anggota, Gray telah menyusun semula struktur organisasi Ibu Pejabat Polis Persekutuan. Cawangan Perisikan diperkuuhkan dengan menubuhkan *Special Branch*<sup>45</sup> bagi mengantikan *Malayan Security Service* dan diketuai oleh serang pegawai kanan berpangkat Penolong Pesuruhjaya.<sup>46</sup> Selain itu, Gray juga mewujudkan beberapa cawangan baru seperti cawangan perjawatan, semboyan, senjata, bekalan, penggankutan, operasi, Polis Khas, Polis Tambahan dan perumahan. Gray juga menjalankan pengambilan keanggotaan baru secara besar-besaran. Jumlah keanggotaan dari 9, 537 orang pada awal tahun 1948 telah ditingkatkan kepada 12,700 orang pada akhir tahun tersebut. Pada tahun 1949 keanggotaan bertambah kepada 15,499 orang, kemudian meningkat kepada 17,629 orang pada tahun 1950 dan bertambah kepada 26,474 orang pada tahun 1951.<sup>47</sup>

Balai-balai polis juga ditambah bagi memperlihatkan kehadiran polis bersama masyarakat khususnya di kawasan luar bandar. Semasa lawatan Gray ke Kelantan pada bulan Disember 1948, beliau telah mengarahkan supaya lima buah balai polis baru dibina. Balai-balai polis yang berada di luar bandar diperkuuhkan pertahanannya samada melalui perpindahan lokasi balai atau pembinaan balai baru yang turut dibina dengan kemudahan kediaman pegawai serta anggota bertugas. Perumahan kediaman ini lebih dikenali sebagai barek polis. Sementara itu, sistem daerah polis telah

<sup>43</sup> Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, London, Frederick Muller Ltd., 1975, hlm. 130-131

<sup>44</sup> Sunday Mail, 21 Nov 1948.

<sup>45</sup> Special Branch atau Cawangan Khas kekal digunakan sehingga sekarang di mana fungsi utama bahagian ini ialah mengumpul risikan keselamatan bagi menjamin negara sentiasa aman dan terpelihara.

<sup>46</sup> Federal Secretariat Files, P/SP-14335/49, Federation Of Malaya Police Force Annual Administrative Report, 1948. hlm. 123

<sup>47</sup> Federation Of Malaya Annual Report Tahun 1951, hlm. 199

disusun semula di beberapa negeri seperti Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan dan Pahang kerana sistem yang digunakan di negeri-negeri ini agak tertinggal jika dibandingkan dengan sistem pentadbiran polis di Selangor atau Perak.<sup>48</sup> Kekuatan Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu 1948 sehingga 1957 adalah seperti jadual 2.5 di bawah:

Jadual 2.5 : Kekuatan Pasukan Polis (1948-1957)

Tahun	Polis Biasa	Polis Khas
1948	17,526	28,719
1949	20,152	29,984
1950	20,237	34,053
1951	26,154	39,870
1952	31,623	44,224
1953	30,275	33,570
1954	26,046	23,817
1955	24,446	23,155
1956	24,372	24,018
1957	24,515	20,435

Sumber: Diubah suai dari *Federation of Malaya Annual Report 1953*, hlm. 224; *Federation of Malaya Annual Report 1955*, hlm. 294; *Federation of Malaya Annual Report 1956*, hlm. 300; *Federation of Malaya Annual Report 1957*, hlm. 316, lihat juga Memorandum From The Secretary For Defence Progress Report For The Last Quarter 1954, dalam C.O. 1030/36/FED17/112/01 Part A, Federation of Malaya Administrative Reports, hlm. 173; Quarterly Report From The Secretary For Defence, Fourt Quarter, 1955, dalam C.O 1030/36/FED17/112/01 Part A, Federation of Malaya Administrative Reports, hlm. 49

Tempoh latihan pelatih polis dipendekan kepada lima bulan di mana aspek latihan diberi penekanan kepada latihan hutan atau latihan separa tentera kerana corak penugasan Pasukan Polis mula berubah dari hanya sebagai pengawal keamanan kepada tugas untuk membanteras ancaman komunis yang melancarkan gerakan serta operasi meraka di kawasan hutan. Senjata moden mula dilengkapkan kepada Pasukan Polis bagi membolehkan organisasi ini menjalankan dua tugas iaitu menjaga keamanan dan menghapuskan pengganas komunis.<sup>49</sup> Laporan Suruhajaya Polis ke Tanah Melayu 1950 menjelaskan:

*Kami mencadangkan iaitu hendaklah ditimbangkan perkara membahagikan Pasukan Polis kepada dua bahagian dan menentukan pekerjaan polis biasa dijalankan oleh satu bahagian dan pekerjaan hutan dijalankan oleh bahagian yang lain. Apabila tamat darurat, eloklah disediakan terus satu pasukan mengandungi orang-orang terpilih dan terlatih dalam separa ketenteraan yang boleh digunakan dengan segera bagi mencegah keadaan ketenteraman awam dan kegunaan bersenjata. Sekirannya pasukan ini dikekalkan, semasa aman pasukan ini bolehlah juga digunakan dalam menjalankan tugas-tugas guard dan pengawalan tempat-tempat penting tanpa mengganggu pasukan polis biasa.<sup>50</sup>*

<sup>48</sup> Anthony Short, op chit., hlm 131. Lihat juga Federation Of Malaya Report 1949, hlm. 137

<sup>49</sup> Jack W.G Moran, *Spearhead In Malaya*, London: Davies, 1959, hlm. 12

<sup>50</sup> Laporan Suruhanjaya Polis Ke Tanah Melayu, 1950, hlm. 33

Semasa menjalani latihan asas, pelatih akan melalui dua tahap, tahap pertama pelatih mula didedahkan dengan cara berkawad, penggunaan senjata dan pendidikan termasuk membaca, menulis, mengira, pengetahuan am, ilmu kesihatan serta pendidikan agama. Pelatih kemudiannya didedahkan dengan asas perundangan dan amali penugasan polis. Pelatih diwajibkan menduduki peperiksaan bagi melayakkan mereka melangkah ke tahap kedua, manakala bagi pelatih yang gagal akan dilatih semula. Di tahap kedua, pelatih akan didedahkan dengan ilmu senjata dan membaca peta, operasi hutan dan sekatan jalan raya.<sup>51</sup> Sebelum Ogos 1949 hanya satu pusat latihan polis yang melatih pelatih iaitu Pusat Latihan Kuala Lumpur.<sup>52</sup> Bagi melancarkan pergerakan Pasukan Polis khususnya semasa menjalankan mana-mana operasi untuk menghapuskan penganas komunis, Gray mempertingkatkan keupayaan Cawangan Pengangkutan dengan menambah 74 van radio, 160 kenderaan daerah, 90 lori, 200 motorsikal, 275 kereta salon dan 25 kereta armoured. Pada akhir tahun 1951, Pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu mempunyai 1,649 buah kenderaan.<sup>53</sup>

### Kesimpulan

Program Kepolisan Masyarakat atau *Community Policing* Pasukan Polis diawal penubuhan Pasukan Polis moden dilakukan selari dengan ancaman dan keperluan keselamatan Tanah Melayu pada waktu itu. Ancaman komunis merupakan ancaman utama yang meruntuhkan keamanan dan keselamatan masyarakat. Pendekatan kerjasama dengan masyarakat dilakukan dari awal kerana memenangi hati dan perasaan rakyat merupakan suatu landasan kepada kejayaan sesuatu program untuk menghapuskan pergerakan komunis. Sokongan padu rakyat membolehkan Pihak Polis mencapai kejayaan lebih cemerlang dalam usaha mereka bila berdepan dengan ancaman ini.

Perbezaan kaum antara Melayu, Cina dan India yang menghuni Tanah Melayu juga merupakan suatu cabaran kepada Pasukan Polis dalam membentuk struktur dan fungsi penugasannya. Pengukuhan Badan Perisikan iaitu *Special Branch* menjadi pemungkin kepada pelaksanaan sebarang strategi bagi menumpaskan komunis kerana badan ini menjadikan kerjasama polis dengan masyarakat sebagai landasan untuk mendapatkan maklumat perisikan. Badan ini menjadi lebih unik kerana merupakan satu cabang dari perkhidmatan Polis dan bukannya diasingkan perkhidmatannya seperti di sesetengah negara. Latihan separa tentera kepada Pasukan Polis juga membolehkan mereka memainkan peranan dengan lebih berkesan samada di bandar, kampung dan hutan. Peningkatan kemudahan peralatan seperti kenderaan, senjata, perumahan dan balai membuatkan keupayaan Pasukan Polis dipandang tinggi pada zaman ini. Kesediaan anggota masyarakat untuk turut sama bergandingan dalam pasukan yang ditubuhkan seperti *Jungle Squad, Special Constabulary, Auxiliary Police, Home Guard*, membuktikan bahawa masyarakat menaruh kepercayaan yang tinggi untuk bersama dengan Pasukan Polis walaupun mereka menghadapi ancaman dari penganas komunis. Manakala kesediaan Orang Asli untuk berkhidmat sebagai Senoi Prak juga membuktikan kepercayaan mereka kepada Pasukan Polis. Hakikatnya Program Kepolisan Masyarakat atau *Community Policing* yang dilancarkan semasa era darurat pertama merupakan suatu program yang membawa kejayaan besar kepada Pasukan Polis untuk memastikan keamanan negara ini sentiasa terpelihara dan darurat ditamatkan pada 31 Julai 1960.

<sup>51</sup> Federation Of Malaya Annual Report 1951, hlm. 203

<sup>52</sup> Federation Of Malaya Police Force, Annual Administrative Report 1949, hlm. 12

<sup>53</sup> Federation Of Malaya Annual Report 1951, hlm. 204

